

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
MENTERI BESAR SELANGOR**

**DIWAKILI OLEH;
YANG BERHORMAT PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
EXCO KESIHATAN AWAM DAN ALAM SEKITAR NEGERI
SELANGOR**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM MASYARAKAT SIHAT
&
PELANCARAN SISTEM APLIKASI MaSiH
SERTA
SAMBUTAN HARI JANTUNG SEDUNIA**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2023
MASA : 08.30 PAGI – 11.00 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM 2, HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH
UiTM PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengerusi Majlis.

(SALUTASI -Kemas kini berdasarkan kehadiran)

- 1. YANG BERTHORMAT PUAN JAMALIAH BINTI
JAMALUDDIN**
Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar
Kerajaan Negeri Selangor

- 2. YANG BERTHORMAT DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN
AHMAD**
Ahli Parlimen Kuala Selangor

- 3. YANG BERBAHAGIA PROF. EMERITUS DATUK DR.
RADUAN CHE ROSE**
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

- 4. YANG BERBAHAGIA PROF DR SAZZLI SHAHLAN
KASSIM**
Pengarah
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

- 5. YANG BERBAHAGIA.....**

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, atas limpah dan kurnia-Nya, kita semua berpeluang hadir dalam **Majlis Perasmian Program Masyarakat Sihat dan Pelancaran Aplikasi MaSiH** serta **Sambutan Hari Jantung Sedunia 2023** pada pagi ini.

2. Saya mewakili **YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI, MENTERI BESAR SELANGOR** mengucapkan terima kasih kepada pihak UiTM di atas jemputan bagi menyempurnakan majlis ini.

Para hadirin sekalian,

3. Kita semua sedia maklum bahawa kesihatan adalah aspek yang sangat penting dalam kehidupan sejagat. Masyarakat dan rakyat yang sihat dapat membantu dalam

produktiviti negara seterusnya membantu dalam menentukan kejayaan sesebuah negara dan seterusnya tamadun manusia.

4. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), definisi kesihatan merujuk kepada keadaan fizikal, mental dan kesejahteraan sosial yang bebas daripada penyakit dan kelemahan. Kesihatan seseorang bertambah baik sekiranya melaksanakan aktiviti yang menyihatkan, seperti senaman fizikal dan tidur yang mencukupi. Selain itu, kesihatan juga akan bertambah baik sekiranya kita dapat mengelakkan aktiviti atau situasi yang tidak sihat dan berisiko, seperti merokok serta mengawal tahap tekanan atau stress dalam diri.

5. Dalam menangani masalah kesihatan ini, saya sangat gembira dengan inisiatif dari Universiti Teknologi MARA melalui Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) bersama-sama rakan strategik iaitu Pfizer Malaysia dalam membantu kerajaan untuk memastikan kesihatan masyarakat bertambah baik melalui program-program yang diatur melibatkan komuniti luar bandar, serta kumpulan B40.

6. Penyakit tidak berjangkit seperti, kencing manis, darah tinggi, jantung dan obesiti mempunyai impak yang besar kepada sesebuah negara dan masyarakat. Negara kita tidak dapat lari dari masalah ini, yang juga dihadapi oleh kebanyakan

negara di seluruh dunia. Negara kita telah dinobatkan sebagai negara tergemuk di Asia Pasifik dan ini bukanlah satu pencapaian yang membanggakan. Secara tidak langsung, beban penyakit tidak berjangkit kepada kewangan negara juga sangat tinggi. Kerajaan membelanjakan jumlah keseluruhan RM22.53 billion dalam tahun 2017 untuk kos-kos rawatan penyakit tidak berjangkit termasuk kos rawatan di hospital, pengesanan penyakit, dan lain lain lagi. Jumlah ini bersamaan dengan 2 peratus G.D.P negara bagi tahun 2017.

7. Saya sangat menghargai usaha oleh UiTM dan Hospital Al-Sultan Abdullah ini. Institusi-institusi pendidikan memainkan peranan yang besar untuk memacu 6 nilai teras Malaysia Madani iaitu **Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan** dan **Ihsan** yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

8. Enam nilai teras ini diharapkan dapat digenggam dan dibudayakan secara menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat, untuk memastikan kelestarian masyarakat dan rakyat di negeri Selangor dan Malaysia sentiasa terjunjung. Saya mengharapkan program yang diadakan pada pagi ini dapat membantu aspirasi MADANI memandangkan program ini

mempunyai gabungan elemen pendidikan, kesihatan dan digital di peringkat komuniti atau masyarakat setempat.

9. Saya yakin bahawa kesihatan awam merupakan satu disiplin yang penting dalam pentadbiran kesihatan kerana kesihatan awam lebih memfokuskan dan menitikberatkan budaya pencegahan dan pengesanan awal penyakit. Bak kata orang-orang tua, “mencegah adalah lebih baik dari merawat”. Tambahan pula, HASA mempunyai pakar-pakar perubatan dan kesihatan yang ternama, setanding dengan kualiti bertaraf dunia dalam aspek perawatan kesihatan.

10. Saya juga mengharapkan wujud perubahan sikap dan anjakan paradigma di kalangan masyarakat untuk lebih bertanggungjawab dengan kesihatan mereka, supaya perubahan positif dalam aspek penjagaan kesihatan ini akan berkekalan dan melibatkan semua anggota dalam masyarakat, khususnya di Selangor ini.

11. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini sedang giat bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk memperkasakan isu kesihatan awam supaya rakyat di negeri Selangor ini lebih cakna akan status kesihatan secara individu, keluarga dan masyarakat,

selain dapat mengurangkan beban petugas-petugas di fasiliti kesihatan.

Hadirin yang dihormati,

12. Tahniah saya ucapkan kepada **Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM** dan **Pfizer Malaysia Sdn. Bhd.** di atas kerjasama yang erat dalam menjayakan program komuniti kesihatan yang berteraskan saringan kesihatan, pendidikan dan promosi kesihatan dan kaunseling kesihatan ini. Saya dimaklumkan bahawa program komuniti kesihatan 'Masyarakat Sihat' telah bermula pada 7 Oktober 2023 lepas bagi Siri 1 dan bakal diteruskan secara berkala melibatkan kawasan di sekitar Kuala Selangor.

13. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM di atas pembangunan sistem aplikasi MaSiH seiring dengan sasaran kerajaan untuk pendigitalan sistem kesihatan menjelang 2030.

14. Saya merasa sangat bertuah kerana kita juga berpeluang untuk bersama-sama dalam sambutan Hari Jantung Sedunia 2023. Saya menyeru kepada semua hadirin untuk sama-sama

mengamalkan cara hidup sihat termasuk aspek kesihatan jantung selaras dengan tema sambutan, 'Know Your Heart'.

15. Saya tertarik dengan pendekatan majlis pada hari ini, yang seolah seperti serampang dua mata, yang mana kita meraikan tiga program sambutan. Saya yakin, ia bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan, melibatkan pelbagai pihak dari latar belakang dan buah fikiran yang berbeza dan usaha murni ini amat dihargai. Saya sangat mengalu-alukan usaha sebegini dan diharapkan dapat diteruskan untuk masa hadapan.

16. Harapan saya semoga Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM dan Fakulti Perubatan UiTM dapat bekerjasama dengan lebih erat bersama rakan-rakan strategik termasuk Pfizer dalam memacu aspek kesihatan awam di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan. Struktur dan sistem kesihatan awam yang kukuh akan menjamin kesejahteraan kesihatan masyarakat dan secara tidak langsung dapat memberi kesan positif kepada pendidikan dan ekonomi negara.

17. Hadirin yang dihormati sekalian, dengan lafaz *Bismillahirrahman nirrahim* saya merasmikan program **Masyarakat Sihat** dan seterusnya **melancarkan Sistem Aplikasi MaSiH** serta **Sambutan Hari Jantung Sedunia**.

Sekian, terima kasih.